

KECERDASAN EMOSI KETUA DALAM ELEMEN TADBIR URUS INSAN DARI PERSPEKTIF MODEL KEROHANIAN IMAM AL-GHAZALI

Oleh : Siti Sarawati bt. Hj. Johar (sarawati@uthm.edu.my) 013-4654678
(Pensyarah/Pelajar Ph.D), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor ;

Dr. Ishak b. Mad Shah (ishak@utm.my) (Pensyarah),
Universiti Teknologi Malaysia, Johor

Abstrak

Kertas kerja ini merupakan kertas konsep yang lebih tertumpu kepada perbincangan kritis mengenai kepentingan kecerdasan emosi ketua dalam tadbir urus insan di tempat kerja dari perspektif model kerohanian Imam Al-Ghazali. Hal ini merupakan antara realiti tuntutan aplikasi pengurusan yang berwajahkan nilai agama dan ilmu wahyu sekaligus menelusuri dimensi tasawwuf dalam organisasi masa kini. Perbincangan ini melingkungi kerangka konseptual kecerdasan emosi; tadbir urus insan; perspektif model kerohanian Imam Al-Ghazali, harapan dan cabaran. Selaras dengan tuntutan pembangunan modal insan, adalah seharusnya pembangunan fizikal dan material negara yang momentumnya kian maju tahun demi tahun seiring dengan pembangunan insan. Kita bukan sahaja menginginkan negara memiliki fasiliti kelas pertama, akan tetapi yang paling penting adalah modal insan yang berminda, berjiwa dan bertingkah laku kelas pertama. Dalam ruang yang sinonim ini, setiap pekerja di mana-mana organisasi merupakan entiti sumber manusia yang seharusnya merupakan modal insan yang berkapasiti unggul dari segi kecerdasan emosi dalam usaha menghasilkan output dan mutu kerja berkualiti melalui tadbir urus insan yang mantap. Untuk itu, ketua di tempat kerja seharusnya terlebih dahulu memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi agar berupaya membentuk budaya positif itu dalam kalangan pekerja dan seterusnya mewujudkan amalan itu secara konsisten sehingga mampu menjadi kebiasaan yang kondusif kepada setiap pihak dalam suasana bekerja. Hasil kertas kerja ini akan memperlihatkan keperluan untuk setiap ketua mempunyai kecerdasan emosi yang mempunyai kekuatan rohaniah dan seterusnya membawa tingkah laku yang lebih bermakna. Hal ini juga akan membolehkan pekerja berupaya terbentuk menjadi modal insan yang dinamik dan seterusnya mampu mewujudkan suatu kerangka platform nilai yang utama pada pengurusan dan tadbir urus bercirikan kerohanian dalam bekerja.

Kata kunci : Kecerdasan Emosi, Tadbir Urus Insan, Model Kerohanian

PENDAHULUAN

Kekuatan sesebuah negara tidak akan lengkap tanpa adanya kekuatan dari elemen kemasyarakatan dan kemanusiaan. Hasil dari gabungan tiga komponen utama iaitu negara, individu dan bangsa maka wujudlah frasa negara bangsa. Pembangunan sesebuah negara bangsa adalah perlu seiring dengan pembangunan modal insan pada setiap warganya. Pemfokusan modal insan telah menjadi teras utama pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-9 dan ini adalah antara elemen yang agak signifikan dengan keperluan nasional ke arah merealisasikan visi dan misi wawasan 2020. Malahan melalui rancangan ini juga, penentuan faktor modal insan adalah melalui penekanan kepada ilmu dan kepakaran di kalangan rakyat untuk menjadi sebuah negara maju. Jelas di sini, modal insan atau manusia merupakan entiti sumber yang paling penting dalam sesebuah organisasi berbanding dengan lain-lain sumber yang melibatkan peralatan, material, wang mahupun prosedur kerja. Sebagai manusia juga, maka modal insan yang berminda kelas pertama adalah penggerak utama organisasi dan penentu berjaya atau gagalannya setiap visi, misi mahupun segala objektif yang disasarkan.

Modal insan yang berlatarbelakangkan utama manusia mempunyai kepelbagaian sikap dan tingkahlaku yang berpusatkan kepada elemen kognitif (minda), afektif (perasaan) dan juga psikomotor (fizikal). Dalam proses pembentukan personaliti, sikap dan mentaliti, manusia lebih banyak dipengaruhi oleh sistem kepercayaan hasil daripada momentum pengalaman sosialisasi yang dialami sepanjang tempoh kehidupannya sedari kecil. Namun dalam masa yang sama, ilmu dan nilai serta kepakaran menjadi entiti faktor yang relevan dengan variasi sikap manusia dalam penentuan bentuk perlakuan serta tindakan dalam pelaksanaan tanggungjawab terhadap diri, keluarga, organisasi, masyarakat, agama, bangsa dan juga negara. Dalam nada yang sama, adalah seharusnya pengurusan modal insan perlu diselusuri dengan dimensi tasawwuf yang berwajahkan nilai agama sebagai asas dan ini juga diungkapkan sebagai tadbir urus insan.

Dewasa alaf ini, fungsi untuk menguruskan modal insan dan sesebuah organisasi secara relatifnya bukanlah suatu perkara yang mudah, lebih-lebih lagi jika organisasi itu merupakan badan atau syarikat yang bersifat multinasional. Persoalan kemudiannya akan timbul sama ada seseorang pengurus yang memiliki trait-trait personaliti sebagai ketua layak untuk dijadikan model dalam usaha pemantapan modal insan. Kedapatan banyak isu masa kini yang memperlihatkan wujudnya kepincangan sikap seseorang ketua dalam sesebuah organisasi sehingga menyebabkan pelbagai masalah komunikasi antara ketua dengan pekerja dan ini membawa kepada konflik serta krisis yang berpanjangan yang akhirnya boleh menggugat aspirasi bersama.

Manusia tercipta dengan wujudnya domain penting dalam diri iaitu minda, emosi (jiwa) dan fizikal. Dalam suatu rentetan waktu yang panjang, manusia yang berkemampuan tinggi pada minda dan pemikirannya biasanya dikagumi semua dan dijadikan idola sepanjang hayat atas kepelbagaian strategi dan penciptaan yang mampu menggegarkan teknologi dunia.

Kemampuan yang dimalarkan pada kekuatan berfikir yang cerdas memungkinkan kemampuan yang lain dimarginalkan sehingga wujudlah ruang-ruang yang kosong pada sesuatu yang lebih mendalam sifat dan ciri-cirinya iaitu emosi, jiwa dan perasaan. Kejurangan yang wujud antara minda dan jiwa mengakibatkan kemajuan masa lalu memberikan seribu makna dan pengajaran untuk ia dibugar kembali dalam rentak dan nafas yang baru agar pengertiannya dapat dihayati bersama untuk generasi yang akan datang. Untuk itu, kecerdasan emosi atau EQ di masa kini mula diberikan perhatian khusus akan fungsi dan peranannya dalam kehidupan manusia dalam usaha memperbaiki senario hakikat kepincangan. Walau bagaimanapun, dalam perbincangan ini akan dihubungkan kecerdasan emosi ketua di tempat kerja dengan tadbir urus insan dari perspektif model kerohanian oleh Imam Al-Ghazali.

KONSEPTUAL KECERDASAN EMOSI (EQ)

Emosi sebenarnya telah agak lama dibincangkan sejak dahulu dan dikaji dari pelbagai skop kajian sama ada dari segi fungsi dan kepentingannya walaupun tidak secara langsung membicarakan tentang konsep kecerdasan emosi. Emosi turut dilihat sebagai antara cabang utama dalam domain pendidikan manusia dan ia juga merupakan suatu pasak yang utuh dalam membolehkan setiap saat manusia lebih bermakna dengan adanya kelompok variasi perasaan yang menyulam nafas sedih, gembira, bahagia dan tenang di dalam hati. Apabila terma kecerdasan emosi mula mengambil tempat dalam hasil-hasil penulisan dan perbincangan ilmiah beserta penilaian tentang keperluannya yang sama penting dengan kecerdasan intelek, maka dunia semakin menerima kenyataan bahawa untuk menjadi manusia yang berjaya dengan ungkapan sebenar-benar berjaya, bukan sahaja memerlukan kecerdasan intelek akan tetapi juga perlunya elemen-elemen kecerdasan emosi yang tersusun dengan pelbagai kategori. Meskipun semua manusia dilahirkan memiliki hati dan perasaan, akan tetapi tidak semua mampu untuk mengendalikan dimensi hati mengikut acuan yang benar-benar bersifat fitrah kemanusiaan secara total. Apabila emosi difokuskan sebagai suatu elemen yang penting dalam kehidupan manusia, maka lahirlah istilah kecerdasan emosi (EQ). Kecerdasan emosi lebih dilihat sebagai suatu himpunan kemampuan mental yang membantu setiap individu untuk mengenal pasti serta memahami perasaan sendiri dan perasaan orang lain. Kecerdasan emosi akan mampu membantu meningkatkan keupayaan setiap individu untuk mengawal perasaan. Menurut Kamus Dewan, emosi membawa maksud suatu perasaan dalam jiwa yang kuat (seperti marah, sedih, dan takut). The Oxford Dictionary of Current English (1999) juga menerangkan emosi juga sebagai suatu perasaan yang kuat wujud dari dalam melalui naluri dan otak. Manakala menurut Oxford Advanced Learners' Dictionary (2000) pula, dinyatakan bahawa emosi adalah suatu perasaan yang agak kuat dan mengandungi aneka jenis perasaan seperti benci, takut, cemburu, kasih sayang, riang dan sedih, malahan terdapat juga gangguan pada perasaan seseorang individu manusia itu. Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi (EQ) adalah kebolehan untuk mengawasi emosi diri dan emosi pihak lain, dapat membezakan kebaikan, dan dapat menggunakan maklumat untuk membantu fikiran serta tindakan

seseorang. Pada tahun 1996 pula, Goleman mengatakan bahawa kecerdasan emosi (EQ) adalah kebolehan seseorang memahami perasaan sendiri dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang berkesan dalam kehidupan seharian.

Bagi Thorndike (1920), kecerdasan emosi manusia adalah berkaitan dengan konsep kecerdasan sosial. Thorndike (1920) mendefinisikan kecerdasan sosial sebagai kebolehan memahami dan mengurus manusia lelaki, perempuan dan kanak-kanak untuk berhubung secara berkesan dalam hubungan sesama manusia. Beliau turut telah mengkategorikan kecerdasan emosi kepada dua bahagian yang utama iaitu interpersonal (emosi yang berhubungan dengan orang lain) dan intrapersonal (emosi yang berkaitan dengan perhubungan dengan diri sendiri). Kecerdasan emosi juga dapat diertikan sebagai sejenis kecerdasan sosial yang bertanggungjawab untuk mengawal satu dan pelbagai emosi, untuk mendiskriminasikan emosi tersebut dan menggunakan maklumat untuk mengawal pemikiran dan tindakan (Mayer & Salovey, 1993:433). Berdasarkan pendapat Salovey & Mayer (1990) ini, kecerdasan emosi interpersonal dan intrapersonal dikategorikan kepada lima domain utama iaitu mengenal diri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan diri, empati dan mengendalikan hubungan yang berkesan (Goleman, 1995). Empati dan mengendalikan hubungan yang berkesan adalah dikategorikan dalam kecerdasan interpersonal sementara tiga lagi iaitu mengenal diri, mengurus emosi dan memotivasikan diri adalah di dalam kategori intrapersonal.

Kecerdasan Emosi Dari Perspektif Islam

Dalam Al-qur'an, telah banyak terungkap tentang emosi yang berkait rapat dengan insan yang diciptakan oleh Allah SWT. Malahan dalam hadis Rasulullah SAW juga telah banyak menyebut pelbagai jenis emosi yang wujud dalam diri seseorang insan itu sama ada ia adalah emosi positif mahupun negatif. Jika ditinjau dari perspektif Islam itu sendiri, kecerdasan emosi sebenarnya lebih menjurus kepada proses pembersihan hati dan jiwa. Kemestian untuk memelihara hati agar tidak busuk dan tidak rosak sangat-sangat dituntut dalam agama kita. Dengan hati yang baik, maka lahirlah nilai kecerdasan emosi yang baik. Hati akan jadi kotor apabila manusia melakukan dosa sehingga jadilah hati itu hitam dan gelap. Kerosakan pada jiwa dan nurani manusia akhirnya akan membawa kepada personaliti, sikap dan tingkah laku negatif yang sangat berlawanan dengan fitrah kemurnian kejadian manusia. Akibatnya, manusia yang tidak belajar apa-apa dari hidupnya dikatakan seperti telah mengalami kebutaan pada mata hatinya, malahan telinga juga pekak kerana tidak mahu mendengar ajaran-ajaran yang baik. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda, *"Ketahuilah! Bahawa di dalam badan ada seketul daging, apabila ia baik, maka baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak, rosaklah sekeliannya. Itulah hati"* (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim). Jelas di sini, kecerdasan emosi amat berkait rapat dengan nilai keagamaan. Apatah lagi ia dijalinkan dengan kecerdasan spiritual yang bersifat kerohanian. Kedudukan kecerdasan spiritual sebenarnya berada di aras paling tinggi kerana ia membawa manusia menjaga hubungan dengan Allah SWT, manakala kecerdasan intelek dan emosi pula membawa

manusia untuk menjaga hubungan dengan dirinya sendiri, manusia lain dan alam sekitar. Allah SWT juga berfirman dalam surah Asy-Syams (91:8-10) yang bermaksud;
“Allah mengilhamkan sukma kefasikan dan ketaqwaan, beruntung bagi yang mensucikannya dan rugi bagi yang mengotorinya”.

KONSEPTUAL TADBIR URUS INSAN

Menurut Arfah & Aziuddin (2009), tadbir urus insan merupakan penggerak kepada kebahagiaan, ketenteraman dan ketenangan. Dalam senario dunia pengurusan dan pentadbiran, menjurus kepada proses pembuatan keputusan, tadbir urus insan adalah suatu tindakan yang menyepadukan tindakan, proses, makna dan hasil yang terpuji sekaligus menunjukkan bahawa tadbir urus insan juga merupakan alat dan cara dalam usaha mencapai kesejahteraan. Menurut mereka lagi, tadbir urus insan adalah sesuatu mengenai soal integriti, soal menghidupkan muhsin, sentiasa berada dalam keadaan pengabdian ke arah melakukan kebaikan. Dalam pengertian yang mudah, integriti yang berkait rapat dengan tadbir urus insan adalah juga merupakan berkaitan dengan soal agama dan nilai moral serta tahap yang berupaya untuk menghayati serta mengamalkan akhlak yang baik walaupun tiada siapa yang melihat kerana berpegang kepada konsep ihsan yang meyakini bahawa Allah SWT tidak pernah terlepas melihat apa yang manusia kerjakan. Ringkasnya, qalbu (hati) adalah sumber kepada integriti seseorang manusia.

KONSEPTUAL MODEL KEROHANIAN IMAM AL-GHAZALI

Imam al-Ghazali merupakan salah seorang tokoh Islam dalam perjalanan dunia tasawwuf dan beliau turut digelar sebagai Hujjatul Islam dengan nama penuhnya adalah Abu Hamid al-Tusi al-Ghazali. Beliau merupakan seorang ahli sufi, ushul fiqih dan penulis kitab tasawwuf yang telah membangkitkan kembali pemikiran Islam pada abad ke 5 Hijrah.

Al-Ghazali mengetengahkan empat istilah dalam menerangkan jiwa manusia iaitu qalb (hati), ruh (roh), nafs (jiwa) dan ‘aql (akal). Kesemua perkataan ini terdapat di dalam Al-Quran kecuali ‘aql. Walau bagaimanapun, ia tetap wujud dalam pelbagai bentuk yang menunjukkan dan mengarah ke arah dan aspek pemikiran manusia seperti yang terdapat dalam surah-surah tertentu (Zaini & Syed, 2010). Pandangan ini dijelaskan lagi oleh Yusuf Al-Qardhawi (1998: 19) dalam Aminudin (2009) tentang kedudukan akal dalam Al-Quran yang diulang sebanyak 49 kali dengan ungkapan agar manusia perlu berfikir dan dapat berfikir. Al-Quran dan akal bergerak seiring di mana akal dipedomankan oleh Al-Quran dalam menentukan ilmu yang disampaikan adalah sesuatu yang benar dan bermanfaat (Sidek, 2004: 31) dalam Aminudin (2009). Dalam Al-Quran juga, wilayah batin iaitu roh, hati, jiwa dan akal itu tidak dijelaskan dengan satu kata sahaja, misalnya kata *nafs* yang bererti jiwa. Di samping kata *nafs*, ada istilah-istilah lain yang sama iaitu *qalb* (hati) dan *aql* (akal). Al-Quran juga tidak menyebutnya hanya dalam bentuk kata benda sahaja, tetapi juga dalam bentuk kata kerja (Komaruddin, 2002 dalam Aminudin, 2009).

Seiring dengan perbincangan ini, hati (qalb) yang diperincikan oleh Al Ghazali (1979) membawa dua pengertian. Pertama, ia merupakan segumpal daging yang terletak di sebelah kiri dada. Ia menjadi pusat pertemuan semua saraf darah dari seluruh badan. Pengertian yang kedua merujuk kepada erti yang lebih tersirat dan halus yang bersifat rohaniah. Ia berkaitan dengan hati fizikal dalam pengertian yang pertama tadi. Walau bagaimanapun, Al Ghazali sangat menitikberatkan pengertian hati yang kedua. Ia menjadi pusat segala keinginan, kehendak, cita-cita dan kemahuan. Segala anggota tubuh badan yang lain mengikut kehendaknya iaitu sama ada ia mahu melakukan kebaikan atau kejahatan (Zaini & Syed, 2010). Seterusnya roh yang didefinisikan dengan dua pengertian iaitu yang pertamanya, roh adalah sebagai suatu jasmani yakni suatu zat yang sangat halus bersumberkan pada ruangan jantung manusia (Mohd. Azhar, 2009). Ia merupakan pusat kepada pergerakan semua pembuluh darah yang kemudiannya bergerak ke seluruh tubuh badan manusia sehinggakan dengan adanya roh itu dan dengan izin Allah SWT, maka manusia akan dapat bernafas, bergerak, berperasaan, melihat, mendengar dan segala pergerakan sebagai seorang manusia yang hidup. Melalui perkaitan secara fizik perubatan, roh diumpamakan seperti suatu cahaya dari sebuah lampu yang menerangi keseluruhan rumah yakni bilamana Al-Ghazali memberikan suatu analogi bahawa kehidupan yang bergantung kepada roh adalah cahaya manakala cara untuk mempengaruhi jasad pula diandaikan sebagai lampu yang memancarkan cahayanya ke seluruh ruang lingkup (Noor Shakirah, 2008). Ia juga diertikan sebagai suatu unsur berbentuk wap yang dipancarkan dari hati dan dibawa ke otak melalui denyutan nadi. Dari otak, ia akan tersebar ke seluruh bahagian jasad manusia melalui denyutan nadi dan seterusnya dizahirkan pula melalui tingkah laku.

Pengertian kedua tentang roh kemudiannya dijelaskan oleh al-Ghazali bahawa roh merupakan suatu sifat halus pada manusia yang dapat mengetahui segala sesuatu dan dapat memahami segala pengertian. Beliau turut menyatakan bahawa roh adalah urusan yang sukar difahami bilamana akal manusia tidak mampu untuk memikirkannya secara mendalam. Ini adalah sejajar dengan firman Allah SWT yang bermaksud;

“Katakanlah (hai Muhammad), bahawa roh itu termasuk urusan Tuhanku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit” (al-Israa : ayat 85).

Akal (aql) pula adalah perkara utama yang dijadikan oleh Allah SWT. Al-Ghazali juga banyak membincangkan persoalan akal dalam kitab-kitabnya. Akal adalah tempat di mana sesebuah ilmu itu dibangunkan. Wujud perbezaan antara akal manusia dengan binatang seperti cahaya yang terdapat dalam hati manusia yang membolehkan untuk manusia bersedia untuk menerima ilmu. Terdapat dua makna akal yang sangat berkait rapat dengan perbincangan al-Ghazali tentang unsur kedalaman hati manusia. Pengertian pertama menjelaskan tentang kuasa mengetahui ilmu yang dipanggil hati (qalb) yang dengan jelas mempamerkan hakikat manusia. Perkara ini terdapat dalam Al-Quran dan hadis iaitu ia diertikan sebagai kuasa kefahaman manusia untuk mengetahui hakikat sesuatu. Sekiranya *'aql* dibandingkan dengan *nafs*, ia diibaratkan sebagai suatu kuasa penglihatan. Ini adalah kerana

melalui akal, manusia bersedia mengamati perkara-perkara yang rasional melalui kuasa penglihatan mata yang bersedia melihat benda yang boleh dilihat. Manakala pengertian yang ketiga pula adalah lebih kepada bersifat sendiri (self) pada diri manusia itu sendiri (Hamid Fahmy, 1990 : Zaini & Syed, 2010).

Nafsu turut merupakan unsur yang terdapat dalam roh yang mempunyai dua kekuatan yang amat bertentangan iaitu kekuatan yang pertama adalah kekuatan nilai-nilai murni dan penuh dengan kemuliaan serta kebaikan seperti pengasih, pemurah, penyayang dan ikhlas. Kekuatan kedua pula adalah kekuatan kejahatan seperti pembengis, pemaarah, pendendam, dan penghasut. Al-Ghazali telah membahagikan nafsu kepada beberapa peringkat iaitu yang pertamanya adalah nafsu *al-ammarah*. Nafsu ini adalah nafsu jahat yang tidak mempunyai unsur-unsur kemuliaan dan kebaikan. Manusia akan melakukan kejahatan yang sangat melampau dan kejam sekiranya unsur-unsur ini terdapat dalam jiwa seseorang manusia itu. Nafsu yang kedua pula adalah *al-mulhamah* iaitu nafsu yang mengandungi kombinasi antara kedua-dua unsur sama ada jahat mahupun baik dan malangnya, nafsu yang jahat itu akan lebih mendominasi nafsu yang baik. Nafsu *al-lawwamah* adalah nafsu yang ketiga yang juga mengandungi kedua-dua kombinasi unsur kebaikan dan kejahatan. Namun perbezaannya dengan nafsu *al-mulhamah* adalah bilamana dalam nafsu ini, nafsu yang baik lebih mendominasi nafsu yang jahat. Seterusnya nafsu yang keempat pula adalah *al-muthma'innah* iaitu nafsu yang mempunyai unsur kebaikan dan kemuliaan sahaja. Pasti mereka yang memiliki nafsu ini adalah mereka yang sememangnya dijamin oleh Allah SWT untuk terus masuk ke syurga tanpa melalui sebarang penyeksaan mahupun dihisab dalam tempoh yang lama. Al-Ghazali telah merujuk kepada firman Allah S.W.T yang bermaksud,

“Wahai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direndhainya. Maka masuklah ke dalam jama'ah hamba-hambaKu dan masuklah ke dalam syurgaKu” (al-Fajr : ayat 27-30).

Selaras dengan perbincangan di atas, maka menurut Al-Ghazali juga terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi pembentukan sikap, perwatakan dan personaliti seseorang manusia iaitu faktor hati, nafsu dan akal (al-Ghazali, 1974). Berikut diterangkan mengikut faktor-faktor tersebut iaitu bermula dengan hati. Hati secara huraian fizik perubatan diertikan sebagai seketul daging yang berfungsi untuk pengedaran darah dalam tubuh badan manusia manakala pengertian kedua pula adalah merujuk hati sebagai rohaniah manusia yang berpusat kepada naluri rasional. Dalam menentukan kualiti hati individu manusia, adalah dilihat kepada sejauh manakah hati manusia itu dapat menghayati risalah Allah SWT. Oleh itu, individu yang hatinya belum kukuh dengan pegangan agama serta tidak mengamalkan ajaran agama secara total, sebenarnya amat memerlukan akal untuk memandu dirinya dalam bertindak. Hati individu ini dikatakan hati *'qalbun'*. Hal ini sangat berbeza dengan individu yang hatinya berkualiti tinggi iaitu hati *'lubbun'* kerana lahirnya cetusan hati (intuition) dari individu ini adalah lebih rasional serta ikhlas dalam membimbing dan memandu akalnya. Di

antara dua jenis hati ini terdapat hati *'fua'adun'* iaitu hati individu yang sudah memiliki keyakinan yang mantap terhadap segala ajaran dari Allah SWT serta berupaya menjadi hamba yang beriman dan bertaqwa. Menurut huraian Imam Al-Ghazali lagi, nafsu dirujuk sebagai tabi'i keinginan dalam diri setiap makhluk yang bernafas. Manusia yang lebih sanggup bertingkah laku kejam dan jahat adalah individu manusia yang dilihat berfungsi pada nafsu yang paling rendah iaitu nafsu ammarah. Bagi individu yang berpersonaliti mulia, lemah lembut, redha, bersyukur dan insaf pula diibaratkan seperti 'malaikat hidup' kerana ia berfungsi pada nafsu mardiah iaitu nafsu yang berada di aras kedua tinggi. Nafsu kamilah pula hanya mampu dicapai oleh para rasul yang mempunyai sifat diri yang sempurna dan terpelihara. Secara keseluruhannya nafsu terbahagi kepada tujuh tahap. Susunan nafsu dari nafsu terendah sehingga yang tertinggi adalah nafsu ammarah, diikuti oleh nafsu lawwamah, nafsu mulhamah, nafsu mutmainnah, nafsu radiah, nafsu mardiah dan tertinggi adalah nafsu kamilah. Walau bagaimanapun, manusia biasa boleh mencapai tahap nafsu mutmainnah bila mana jiwa manusia dapat menahan runtunan nafsu syahwat lalu mencapai ketenangan. Kualiti nafsu ini berupaya untuk mencorakkan personaliti individu itu menjadi manusia yang lebih rasional dan terkawal.

Seterusnya pula adalah akal yang merupakan anugerah Allah yang khusus untuk setiap hambaNya dan dikatakan juga sebagai daya intelek yang membolehkan manusia berupaya untuk membentuk konsep, generalisasi dan tafsiran. Jelasnya, kehadiran akal membolehkan manusia berfikir secara lebih sistematik dan rasional. Al-Ghazali menegaskan bahawa kualiti akal manusia adalah berbeza dan dibahagikan kepada tiga jenis akal. Kanak-kanak berumur dua tahun contohnya bertindak mengikut apa yang dilihat. Jika bola ditutup dengan kain, kanak-kanak akan mengalihkan perhatian kepada objek lain kerana bola itu telah hilang dari pandangannya. Ketara di situ, akal kanak-kanak berfungsi kepada apa yang dilihat sahaja. Jika keadaan itu juga wujud di kalangan manusia dewasa, maka pemikiran individu itu adalah dicorakkan daripada yang dilihat lalu menolak perkara yang abstrak contohnya dosa dan pahala. Dalam keadaan ini, akal seperti itu akan dirujuk sebagai akal biasa iaitu kategori akal yang paling rendah. Bagi individu manusia yang mampu untuk menganalisis dan mengkaji sesuatu keadaan dengan melihat kepada punca-sebab masalah serta menilai akibatnya, maka akal di peringkat ini merupakan akal taakul iaitu kategori akal yang sederhana. Namun bagi individu manusia yang boleh berfikir secara lebih ikhlas dan rasional berpandukan kepada kekuatan imannya, maka akal mereka boleh diklasifikasikan sebagai akal yang berkualiti tinggi iaitu akal *tadabbur*. Manusia yang mencapai akal tertinggi ini akan dapat bertindak berpandukan fikiran yang waras yang dicorakkan oleh keyakinan diri serta keikhlasan dalam bertindak serta pastinya hanya kerana Allah. Antara firman Allah yang menuntut agar manusia menggunakan akal fikiran ialah;


“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, perubahan malam dan siang serta kapal yang berlayar di lautan yang membawa perkara yang memberi faedah kepada manusia dan apa yang diturunkan oleh Allah dari langit iaitu air dan dihidupkan dengannya bumi yang

gersang dan menyebarkan padanya setiap kehidupan, melalui angin dan awan yang ditundukkan di antara langit dan bumi, itu semua merupakan tanda kekuasaan Allah s.w.t. bagi mereka yang berfikir.” (Surah al-Baqarah: ayat 164).

Imam al-Ghazali melihat pembangunan akhlak, sahsiah dan personaliti manusia merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu melibatkan pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak, budi pekerti dan pembangunan jiwa serta hati. Menurut al-Ghazali lagi, *Al-Khulq* adalah merupakan suasana kejiwaan mantap dan jitu yang diterjemahkan ke dalam bentuk perbuatan yang terbit secara mudah dengan tanpa perlu berfikir panjang. Suasana kejiwaan yang menjadi sumber perbuatan itu memerlukan tindak-tanduk yang baik, akan tetapi jika muncul yang sebaliknya, maka suasana kejiwaan itu dinamakan sebagai akhlak yang buruk. Walau apapun takrifan yang diberikan, pembinaan sahsiah manusia itu sendiri boleh diertikan sebagai membina akhlak, peribadi dan tingkah laku dengan matlamat menjadikan seseorang itu menjadi lebih bertamadun, intelek, berjiwa murni, gigih dan berdaya maju. Asas yang diguna pakai dalam membina sahsiah seseorang itu adalah berteraskan kepada apa yang telah termaktub dalam ajaran agama Islam yang telah pun sempurna dari segenap aspek. Allah berfirman dalam surah al-Maidah ayat 3, maksudnya;

“Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu dan aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”

Dalam dimensi pengkajian secara falsafah konteks psikologi Islam yang berkaitan dengan persoalan rohani dan jasmani manusia, Al-Ghazali dengan penjelasan tentang model kerohanian juga telah berjaya meletakkan kategori dalam terminologi ilmu psikologi mendahului ahli psikologi Eropah abad ke 18. Kesimpulannya, Imam al-Ghazali telah berkongsi huraian perspektifnya tentang persoalan akhlak (personaliti) dan hubung kait dengan hati yang berasaskan al-Qur'an dan sunnah dengan umat dunia setelah sekian lamanya dari perspektif model kerohanian manusia. Secara jelas turut ditekankan bahawa dari hati yang bersih dengan tingkatan nafsu yang sewajarnya, seseorang itu akan muncul sebagai seorang individu yang berakhlak dan berpersonaliti mulia. Sememangnya huraian pendekatan dari aspek kerohanian dan bersifat ghaib ini adalah dengan tiadanya bukti empirikal mahupun kajian atau eksperimen yang berstatistik, namun kelogikannya berteraskan ilmu wahyu dan perkaitannya dengan pelbagai elemen yang menjadi hakikat penciptaan seharusnya tidak boleh untuk kita tolak mentah-mentah. Sedangkan ilmuan barat pada masa kini juga mulai mengakui akan kepentingan unsur spiritualiti sehinggalah lahirnya teori-teori kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual demi sebagai keakuran pada kepentingan elemen itu melebihi kecerdasan mental semata-mata.



KERANGKA KEPERLUAN APLIKASI MODEL KEROHANIAN IMAM AL-GHAZALI KE ARAH TADBIR URUS MODAL INSAN

Persoalan akhlak secara tafsirannya telah jelas menunjukkan bahawa wujudnya elemen-elemen pembersihan dalam jiwa yang menjurus pada sifat positif dan nilai-nilai murni yang ditampilkan dari segi tingkah laku serta perlu diaplikasikan dalam kehidupan seharian dari satu generasi ke satu generasi sehinggakan ia menjadi suatu budaya harmoni yang mendasari corak kehidupan. Agak jelas akhlak adalah terbentuk dari dalam dan ke luar (Pahrul, 2010). Pasti nya umat Islam perlu melihat kecerdasan emosi dari sudut pembersihan rohani agar berupaya mewujudkan umat yang lebih berakhlak melalui pemantapan hubungan dengan rabbul a'lamin (*hablumminallah*). Dalam sesebuah organisasi, pertamanya ketua adalah perlu untuk berdepan dengan senario mengurus dan mentadbir insan yang lebih perlu untuk mengetengahkan dan menterjemahkan hakikat keperluan sebagai insan yang memiliki jiwa, roh, akal dan nafsu yang perlu berlandaskan tuntutan agama dan tertakluk kepada undang-undang dan hukum Allah SWT. Jika ketua gagal dalam aspek yang pertama ini, maka pastinya ketua akan mengalami kegagalan untuk mentadbir urus organisasi secara general yang melibatkan peraturan mahupun undang-undang serta entiti organisasi. Dalam masa yang sama, komunikasi dan interaksi juga perlu terbentuk dengan suasana yang harmonis dan hal ini dapat ditinjau melalui ikatan ukhwah Islamiah dan jalinan hubungan yang baik dengan

sesama insan dan juga alam sekeliling (*hablumminannas*). Berikut dibincangkan tadbir urus insan melalui beberapa elemen kecerdasan emosi dari kaca mata pendekatan kerohanian yang berfokuskan nilai akhlak mulia bersumberkan penyucian jiwa (qalbu), serta roh dan akal.

Tadbir Urus Insan Melalui Elemen Kepentingan Niat

Dalam merangka setiap tindakan, semestinya seseorang individu itu perlu bermula dengan niat. Menjurus kepada senario dalam organisasi, semestinya ketua perlu mengatur niatnya dengan lebih ikhlas terlebih dahulu sebelum membantu membimbing niat bekerja di hati pekerjanya. Al-Ghazali dalam kitabnya bertajuk *Ihya' Ulumuddin* mengatakan bahawa tempat ikhlas adalah di dalam hati yang sangat berkait rapat dengan niat dan tujuan. Hakikat niat itu dengan sendirinya adalah mengacu kepada respons daripada pelbagai keadaan. Contohnya, jika seseorang itu bersedekah hanya untuk mendapat nama dan berasa riyak, maka niat ikhlas itu hanyalah secara bahasa. Akan tetapi, jika kita bersedekah dengan niat untuk mendapatkan keredhaan Allah dan untuk mendekatkan diri dengan Allah (*taqarrub*), maka itulah sebenar-benar niat yang ikhlas kerana Allah SWT. Dari perpektif kerohanian Islam juga, adalah seharusnya niat yang baik sebelum melakukan sesuatu adalah menjadi motivasi ke arah tingkah laku yang baik itu. Berniat yang baik sahaja telah membolehkan kita mendapat pahala dari Allah apatah lagi jika melaksanakan apa yang diniat itu. Maka sebagai ketua, adalah perlu untuk ketua sendiri berniat melaksanakan pekerjaan dengan ikhlas dan segalanya adalah sebagai ibadah kepada tuhan pencipta alam iaitu Allah SWT. Berniat melakukan kerja kerana Allah pasti akan membawa ketenangan dalam jiwa bilamana segala yang dilakukan adalah penuh dengan kesabaran, keikhlasan, keredhaan dan tawakkal hanya kepada Allah. Elemen *taqarrub* sangat perlu ditekankan kepada pekerja dalam organisasi kerana menjadi penekanan tentang hakikat bahawa kita semua adalah hamba kepada Allah dan hal ini sangat berkait rapat dengan konsep tauhid dan *ubudiyah* (rasa diri adalah hamba kepada Allah). Seperti firman Allah SWT dalam surah al-Anbiyaa', ayat 21 yang bermaksud;

“Dan Kami tidak mengutus seorang rasul sebelum kamu, melainkan Kami wahyukan kepadanya, ‘Bahawasanya tidak ada Ilah (yang hak) melainkan Aku, maka sembahlah olehmu sekalian akan Aku.’”

Imam al-Ghazali turut menjelaskan bahawa tauhid dan *ubudiyah* merupakan permulaan, malahan akhir dan juga pertengahan bagi setiap manusia, ibarat air bagi makhluk hidup, ibarat udara bagi manusia dan ibarat roh bagi kehidupan, yang masuk ke dalam bahagian-bahagian serta seluruh tubuh badan mahupun dalam pelbagai tujuan tingkah laku (Sa'id, 2008). Pastinya, sifat *ubudiyah* bagi para *rabaniyyin* adalah maqam yang tertinggi, malahan sifat *ubudiyah* Rasulullah SAW juga disebutkan pada peristiwa Isra' Mi'raj dan saat Al-Qur'an diturunkan oleh Allah sekaligus menunjukkan bahawa betapa *ubudiyah* adalah status yang tinggi bagi manusia di hadapan Allah SWT. *Ubudiyah* merupakan suatu hakikat mengenal (*ma'rifah*) tentang sifat-sifat Allah, beribadah kepadaNya, beribadah sesuai dengan yang disyariatkanNya, menyerahkan diri secara total hanya kepadaNya serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap *ma'rifah*, ibadah serta tawakkal hanya untuk Allah SWT.

Maka dalam soal tadbir urus insan oleh ketua di tempat kerjanya, adalah seharusnya ia perlu bermula dengan tingkah laku ketua yang berupaya menterjemahkan niat yang betul dalam tingkah laku yang ikhlas dan melakukan kerja hanya kerana Allah SWT pada tujuan yang paling utama. Konsep tauhid dan *ubudiyah* perlu sentiasa ditekankan agar pekerja juga akan secara tidak langsung bermotivasi dengan niat yang betul sebelum melakukan sesuatu pekerjaan. Bila agama dan Allah diletakkan sebagai keutamaan, pasti ketua dapat mengurangkan masalah dalam usaha mengajak setiap ahli organisasi untuk berusaha gigih mencapai objektif dan sasaran organisasi sekaligus mentadbir urus organisasi secara general, bilamana setiap pekerja memahami konsep bekerja juga merupakan ibadah dan memupuk rasa *ubudiyah* kepada Allah SWT. Ketua yang ikhlas berinteraksi dan membimbing pekerjaanya juga pasti akan ketemu hasil kerja yang lebih berkualiti sebagai kelangsungan rezeki dalam kehidupan dan mampu untuk merealisasikan matlamat organisasi secara bersama.

Tadbir Urus Insan Melalui Kepentingan Integriti

Kesempurnaan didikan dan aplikasi akhlak mulia itu menjadi suatu adunan yang indah untuk dihayati secara bersama dalam sesebuah komuniti. Begitu juga contoh dan bimbingan daripada ketua di tempat kerja. Ketua seharusnya dapat menerapkan nilai personaliti dan model yang terbaik untuk para pekerjaanya hayati dan contohi. Kejayaan ketua mengawal emosi dari terbabas sehingga membolehkan masalah disiplin pekerja dapat ditangani dengan lebih berhikmah akan menghasilkan dimensi didikan dan pengaruh yang sangat dinamik malahan membantu meningkatkan tahap penghargaan sendiri pekerjaanya. Oleh itu, adalah perlu untuk ketua turut menterjemahkan kepentingan mengamalkan integriti dalam pekerjaan yang sangat berkait rapat dengan kepentingan untuk bersikap jujur dan amanah dalam bentuk realiti dan kesan sesuatu tindakan. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

“Sesungguhnya kejujuran itu membawa kepada kebajikan, dan kebajikan membawa ke syurga dan sesungguhnya orang yang berkata jujur akan ditulis di sisi Allah sebagai orang yang jujur. Sesungguhnya kebohongan itu membawa kepada kemaksiatan dan kemaksiatan membawa ke neraka, dan sesungguhnya seorang yang berkata bohong akan ditulis di sisi Allah bahawa dia adalah pembohong” (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim).

Imam Al-Ghazali juga menghuraikan tentang lafaz jujur (*shiddiq*) digunakan dalam enam makna iaitu: jujur dalam perkataan, jujur dalam niat dan keinginan, jujur dalam hasrat, jujur dalam memenuhi hasrat, jujur dalam perbuatan dan jujur dalam merealisasikan semua maqam agama. Oleh itu, jika seseorang individu itu telah bertindak jujur dalam keenam-enam makna ini, maka akan disebut sebagai *shiddiq* (orang yang sangat jujur) dan tingkatan jujur bagai setiap manusia adalah berbeza (Sa'id, 2008). Dalam realiti kehidupan manusia yang perlu bekerja untuk mencari rezeki sebagai kelangsungan hidup dan sebagai daya upaya untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT di muka bumi ini, maka tuntutan untuk bersikap jujur dan berintegriti sangat perlu untuk ditekankan dalam mana-mana organisasi. Ia bukan sahaja sebagai suatu tuntutan mematuhi peraturan luaran akan tetapi yang

lebih penting adalah merupakan titik utama moral dan nilai dalaman sebagai seorang muslim yang sejati. Integriti juga termasuk dalam entiti tauhid bilamana ia adalah penghayatan dan pengamalan akhlak yang mulia walaupun tiada siapa yang melihat sekaligus mempunyai perkaitan rapat dengan konsep ihsan yakni meyakini Allah melihat setiap apa yang dikerjakan. Ketua di tempat kerja perlulah terlebih dahulu mengamalkan integriti dan pastinya niat bekerja sebagai ibadah adalah kerana Allah agar pekerjaan itu menjadi lebih berkat dan sentiasa dipermudahkan oleh Allah dalam setiap urusan. Penekanan untuk bersikap jujur dan amanah serta mengamalkan integriti tanpa kompromi perlu sentiasa disalurkan kepada pekerja agar mereka juga terdidik untuk lebih berintegriti dalam melaksanakan kerja, sentiasa redha dan bertanggungjawab. Pastinya dengan berlandaskan penghayatan tauhid dan ajaran al-Qur'an serta sunnah, maka amalan integriti mampu diperkukuhkan dan dimantapkan dalam organisasi demi kesejahteraan bersama dan pemilikan rezeki yang lebih berkat. Malahan dengan kemandirian amalan integriti di tempat kerja juga akan berupaya membasmi amalan rasuah, ponteng kerja, masalah tata tertib dan lain-lain masalah etika kerja yang memudaratkan. Ini semua dapat diatasi bilamana semua ketua dan pekerja akan sentiasa memegang konsep kecerdasan emosi dari segi keperluan pemurniaan hati dan pembersihan jiwa adalah sangat perlu untuk disusuli dengan amalan mulia agar apa yang ada di jiwa adalah selaras dengan perlakuan dan akan tekal menjadi akhlak mulia yang bersifat konsisten.

Tadbir Urus Insan Melalui Kepentingan Motivasi

Secara konsepnya, motivasi diri merupakan satu sistem saluran perasaan ke arah satu matlamat, mengawal emosi sendiri, melewati ganjaran dan menyekat dorongan. Ketua dan pekerja harus bijak untuk memotivasikan emosi yang bersifat negatif dengan kaedah berfikir yang sistematik melalui akal kurniaan terbaik dari Allah dalam menyelesaikan masalah sekaligus berupaya menjadi medium ke arah perubahan emosi yang lebih positif. Momentum dari dalam diri pasti akan menguatkan emosi, mentaliti dan personaliti untuk menjadi lebih bersemangat dan bermotivasi dalam menghadapi apa juga situasi. Malahan turut mampu untuk mencari jalan penyelesaian yang lebih relevan apabila berdepan dengan apa juga masalah melalui penerokaan secara berhikmah dan berhemah. Dalam Islam sendiri menegaskan bahawa kita perlu gigih bekerja dan berusaha seolah-olah kita akan hidup lama, dalam masa yang sama kita juga perlu rajin beribadah kepada Allah SWT seolah-olah kita akan mati esok hari. Ungkapan ini seharusnya menjadi motivasi kepada setiap insan jika sekiranya mereka dapat memahami, menghayati dan merenung makna di sebaliknya. Al-Ghazali membincangkan persoalan dorongan dan motivasi ini dari sudut niat dan hasrat sebelum melakukan sesuatu tindakan (Sa'id, 2008). Bilamana seseorang insan memiliki sasaran dan wawasan untuk melakukan sesuatu, maka tindakan yang disusuli itu akan merealisasikan hasrat baik yang disasarkan itu untuk dijadikan kenyataan. Setiap perbuatan yang baik akan mendapat balasan yang baik, begitu jugalah sebaliknya. Sinonimnya juga di sini, sebagai umat Islam adalah seharusnya sasaran utama kita adalah untuk menjadi hamba Allah yang beriman dan bertaqwa melalui pelbagai aplikasi amalan yang telah diperintahkan

Allah. Agar dengan itu kita dapat menemui Allah SWT di akhirat esok dan dibuka segala hijab agar dapat melihatNya di syurga. Seharusnya di dunia juga kita tidak buta hati agar di akhirat kelak, kita juga tidak buta mata untuk melihat Allah yang Maha Agung. Pasti hakikat ini sangat perlu menjadi motivasi yang utuh untuk setiap individu terus beristiqamah mendidik hati, roh akal dan fizikal agar sentiasa bertindak, merasa dan berfikir pada landasan kehidupan yang direndahNya.

Dengan pengukuhan nilai motivasi diri ini, ketua dan pekerja akan lebih jelas dengan hala tuju dan matlamat hidup. Visi dan misi dalam perjuangan mencapai kejayaan akan sentiasa dijadikan landasan berasaskan semangat diri yang tidak jemu untuk terus berusaha. Insan yang bermotivasi adalah simbol pada insan yang gigih berjuang ke arah pencapaian matlamat dengan tidak membelakangkan soal etika diri dan nilai-nilai murni sejagat serta simbol kepada kekuatan akhlaknya. Bagi ketua, tidak rugi untuk sentiasa memberikan kekuatan luaran dan motivasi kepada para pekerja. Tiap bait kata mempunyai makna yang tersendiri dan pekerja dapat merasakan kekuatan itu sehingga membolehkan mereka belajar berdikari untuk mencapai matlamat organisasi amnya dan matlamat hidup khususnya. Penghargaan yang diberikan dalam pelbagai bentuk walau sekecil-kecilnya adalah sangat penting kerana ini membolehkan mereka yakin bahawa dengan bertingkh laku positif dan menghasilkan kerja yang berkualiti akan terus membolehkan mereka diterima dan dihargai oleh ketua dan rakan sekerja. Perumpamaan itu ditafsirkan secara lebih praktikal pada hakikat yang lebih penting iaitu penekanan pada konsep ganjaran dalaman yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada setiap hambaNya yang sentiasa melakukan apa juga kebaikan adalah kerana Allah SWT bukan kerana manusia, bagi memperolehi kebahagiaan hidup bukan sahaja di dunia malahan juga di akhirat yang kekal abadi.

Tadbir Urus Insan Melalui Kepentingan Muhasabah

Persoalan ketua untuk mentadbir urus insan di kalangan pekerja dari segi kepentingan bermuhasabah adalah bukan sahaja tertumpu kepada pekerja akan tetapi juga pada diri ketua itu sendiri. Sebagai ketua yang perlu berakhlak dan memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi, maka semestinya ketua sendiri perlu untuk sentiasa memuhasabah dirinya atas setiap perlakuannya saban hari. Kesanggupan ketua untuk menerima teguran walaupun dari pekerjanya dan berusaha untuk membaiki kelemahan diri membolehkan iklim di tempat kerja akan terbina dengan lebih harmonis bilamana tidak wujud kesombongan dan keegoan yang boleh meruntuhkan ukhwah dalam organisasi. Al-Ghazali menerangkan juga bahawa insan yang memiliki *bashirah* 'akal' tentang hakikat yang Allah sentiasa mengawasinya dan dirinya akan dihisab di kemudian hari adalah sangat perlu juga untuk sentiasa memuhasabah dirinya dan jiwanya dalam semua keadaan kerana sesiapa yang menghisab dirinya sebelum dihisab, maka akan ringanlah hisabnya pada hari kiamat nanti. Pasti tiada apa yang dapat membantu kita di akhirat kelak melainkan ketaatan yang mutlak hanya untuk Allah SWT. Dengan itu, Allah telah pun memerintahkan agar umat Islam sentiasa bersabar dan sentiasa

murabathah (bersiap sedia) termasuklah sentiasa memuhasabah diri. Firman Allah dalam surah Ali Imran, ayat 3 yang bermaksud;

“Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran kamu dan tetaplah bersiap sedia...”

Amalan muhasabah adalah perlu dengan lebih istiqamah dilakukan sama ada di luar organisasi mahupun di dalam organisasi. Jika di dalam organisasi, sesi perbincangan boleh dilakukan antara ketua dan pekerja-pekerjanya dengan tujuan untuk mendapatkan maklum balas secara berkala tentang segalanya yang berkaitan dengan sikap dan kerja. Berpegang pada apa yang telah difirmankan Allah SWT dalam surah al-Asr, maka perlu adanya amalan saling tegur menegur dan nasihat menasihati bagi mengejutkan yang terleka berasaskan kebenaran. Dengan adanya perbincangan refleksi ini, maka akan dapat melatih hati dan jiwa ketua mahupun pekerja untuk lebih prihatin dan peka terhadap masalah rakan sekerja sehingga mewujudkan rasa empati yang benar-benar tulus.

Pemantapan akhlak mahupun personaliti dengan kecerdasan emosi melalui elemen empati adalah lebih kepada konstruk interpersonal iaitu perhubungan dan interaksi dengan orang lain. Empati merupakan suatu perasaan dan kemampuan untuk menyelami dan memahami perasaan mahupun emosi orang lain dengan lebih mendalam. Kekuatan berempati akan wujud dalam diri seseorang itu jika dapat mengamalkan *murabathah* dan muhasabah diri secara berterusan. Agak jelas kepentingan mengamalkan muhasabah diri adalah lebih banyak memberikan manfaat buat diri sendiri mahupun individu lain sehingga boleh meruntuhkan tembok keangkuhan sekaligus akan sentiasa menyedarkan diri bahawa semua manusia adalah sama iaitu sama-sama merupakan hamba Allah yang datang merantau di bumi yang sementara ini bilamana kita menyembah dan bersujud hanya kepada Allah SWT yang satu.

Tadbir Urus Insan Melalui Kepentingan Ihsan

Dalam membincangkan soal ihsan sebagai seorang muslim sejati, semestinya hubungan yang paling perlu dijaga dan diperkukuhkan terlebih dahulu oleh setiap umat Islam adalah hubungan manusia dengan pencipta iaitu Allah SWT. Mencintai Allah adalah cinta paling agung bagi umat Islam dan sebagai tanda cinta kepada Allah, adalah semestinya kita melaksanakan segala yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang. Allah yang Maha Mulia sentiasa mahukan hambaNya agar melakukan yang terbaik dalam kehidupan di dunia buat bekalan kehidupan di akhirat.

Maka kerana itu Allah berfirman dengan mengatakan bahawa manusia diciptakan Allah adalah untuk menjadi Khalifah di muka bumi. Seiring dengan hakikat ihsan yakni adalah sebagai khalifah Allah, maka adalah sangat perlu untuk insan melaksanakan tanggungjawab seakan-akan dapat melihat Allah dan jika tidak dapat melihat Allah sekalipun, adalah perlu meyakini bahawa Allah sentiasa melihat hambaNya. Oleh itu jika ketua dan pekerja telah sampai merasa ihsan dalam dirinya, pastinya pelbagai permasalahan di tempat kerja dapat dirungkai malahan mereka akan merasa manisnya keikhlasan dalam bekerja bila sentiasa memegang konsep bahawa kerja itu adalah satu ibadah.

HARAPAN DAN CABARAN SEMASA

Hasil perbincangan ini, jelas kepada kita bahawa adalah menjadi suatu kepentingan kepada setiap ketua dalam mana-mana organisasi agar dapat berketrampilan dengan kecerdasan emosi dan spiritual yang tinggi sebagai suatu similar kepada kepunyaan jiwa, roh, akal dan nafsu yang dominan ke arah muslim sejati sekaligus membawa kepada personaliti dan akhlak yang mulia dengan hasrat dapat mewujudkan pekerja yang turut mempunyai jiwa dan akhlak yang konsisten dengan tuntutan syarak. Agak jelas, untaian perbincangan ini antaranya mengetengahkan cabaran tadbir urus insan dalam usaha mengaplikasikan elemen psikologi Islam dalam organisasi bilamana kedapatan elemen-elemen yang berkait rapat dengan kajian tingkah laku dan afektif manusia. Pastinya juga kita perlu lebih mengutamakan kompas moral dalaman insan dan mengetengahkan hukum hakam Allah terlebih dahulu dalam mentadbir urus insan sebelum kita membicarakan tentang peraturan dan undang-undang yang dirangka oleh organisasi yang terdiri daripada golongan manusia sendiri.

Menjadi harapan negara juga agar pembentukan insan bukan setakat memiliki kecerdasan intelektual sebagai kekuatan dari segi keilmuan, akan tetapi perlu juga dibarisi dengan manusia yang memiliki kecerdasan emosi dan spiritual kerana ia merupakan kekuatan dari segi afektif yang stabil dan mampu menghadapi cabaran dengan tabah dan sabar. Di samping itu pemilikan kecerdasan spiritual yang bersifat kerohanian membolehkan umat Islam khususnya untuk sentiasa menjaga hubungan dengan Tuhan sebagai suatu kekuatan rohani yang menjanjikan ketenangan jiwa yang berpanjangan serta keupayaan menjalin hubungan yang baik dengan sesama manusia dan alam sekitar. Pastinya kita sangat berharap negara kita tidak menjadi seperti negara-negara asing yang memang sangat ketara mempunyai pemilikan segala kemudahan terbaik di dunia (*first class facilities*) dan penguasaan ekonomi yang dominan (ekonomi kapitalis), namun hakikatnya mengalami ketandusan nilai-nilai kemanusiaan malahan ketandusan nilai-nilai murni sejagat. Keadaan ini juga memungkinkan kita hilang jati diri dan hilang fungsi sebagai rakyat yang sanggup berkorban untuk negara atas nama agama, bangsa dan kedaulatan negara ekoran dari era globalisasi yang sebenarnya adalah salah satu dari proses evolusi kapitalisme. Apa yang jelas, ini berbeza dengan ajaran Islam kerana dalam Islam, hidup manusia semestinya sentiasa ada sempadan dan batasan-batasnya untuk pelbagai hikmah.

Konsep kesederhanaan dalam Islam turut ditekankan agar kita tidak menjadi manusia yang berlebih-lebih dalam segala hal berbanding dengan sistem kapitalisme yang sentiasa memberikan kesan negatif merentas negara dan sempadan. Cabaran ini jika gagal ditangani, maka tidak mustahil kita harus membayar modal yang sangat mahal untuk mencapai kemajuan negara ekoran mengorbankan nilai-nilai kemanusiaan sejagat sehingga wujudlah masyarakat berminda, berjiwa dan berpersonaliti kelas ketiga. Penghayatan pada ajaran agama secara bersepadu yang sememangnya membimbing umat agar memiliki akhlak yang mulia seharusnya diamalkan dan dihayati dalam kehidupan seharian sebagai suatu pegangan utuh dalam setiap diri individu manusia dan juga seiring dengan pemilikan ilmu yang tinggi

dan luas dalam melaksanakan kesinambungan kegemilangan tamaddun umat Islam. Sabda Rasulullah SAW dalam hadisnya yang bermaksud;

“Kamu tidak akan dapat menolong semua orang dengan hartamu tetapi berilah mereka kelapangan (kegembiraan) dengan muka manis(senyum) dan berakhlak mulia.”(Hadis Riwayat Muslim).

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, tadbir urus insan di tempat kerja oleh ketua adalah perlu untuk sentiasa ditinjau dan dikaji dari aspek kecerdasan emosi dan spiritual yang digarap melalui perspektif pendekatan rohani dan nilai tasawwuf. Ketua berperanan penting untuk menerapkan elemen kecerdasan emosi dan spiritual dalam tingkah lakunya agar itu menjadi kebiasaan dan dapat dihayati serta dicontohi bersama oleh para pekerja bagi mencapai integriti dan kualiti kerja yang berasaskan konsep ihsan dan ibadah dalam kehidupan. Dengan memiliki kemantapan dari aspek emosi dan minda, setiap pekerja turut akan memiliki personaliti dan tingkah laku yang sejajar dengan tuntutan fitrah manusia untuk hidup harmoni dalam segala keadaan. Pastinya juga keadaan ini akan membantu mengurangkan kadar stress yang dialami ekoran dari rutin kerja yang kian meruncing. Emosi yang stabil akan membolehkan pekerja berganding bahu dengan ketua untuk menghasilkan output kerja yang lebih berkualiti tanpa mengutamakan soal upah atau ganjaran akan tetapi lebih bermotifkan keikhlasan dan tanggungjawab yang penuh integriti, sekaligus memberikan kegembiraan yang ideal dalam interaksi sama ada di tempat kerja mahupun dengan persekitaran luar termasuklah dengan keluarga. Perkaitan ini menjadikan irama psikologi yang berlandaskan spiritual dan kerohanian antara ketua dan pekerja menjadi lebih dinamik dan berkeupayaan mencapai gaya hidup sihat yang sangat membantu mencapai kestabilan dimensi sosialisasi kemasyarakatan mahupun kestabilan antara jiwa dan akhlak sebagai seorang muslim yang sejati.

Kesimpulannya, kekuatan kita seharusnya bukanlah dilihat dari kelengkapan peralatan perang yang canggih serta bukan juga mensasarkan untuk menjadi sebuah negara yang suka berperang, akan tetapi kekuatan kita bersama adalah dinilai dari segi ketaqwaan, keilmuan dan ketinggian akhlak serta perpaduan dalam ukhwah Islamiah kita. Keadaan itu seharusnya wujud apabila setiap individu dapat menyumbang bukan setakat tenaga dan masa, akan tetapi turut menyumbang tanpa berbelah bahagi akan kepakaran, keilmuan dan pengaruh nilai akhlak positif yang dapat dicontohi bersama dari satu generasi ke satu generasi sebagai suatu simbol kekuatan masyarakat Islam yang lebih beriman dan bertaqwa, bertamaddun, berminda cerdas dan berhati mulia serta berakhlak. Kekuatan-kekuatan itulah yang berupaya menjadi benteng dalam kita menghadapi pelbagai cabaran untuk terus berusaha menjadi pejuang dan khalifah Allah seterusnya bagi membina laluan sistematik yang lebih terarah dalam mencapai matlamat hidup di dunia mahupun di akhirat bagi mengisi kebermanfaatn perjalanan roh kita yang melengkapinya sebuah kembara yang panjang sebelum sampai ke destinasi kekal abadi.

RUJUKAN

- Adil Za'ub (1993). *Al-Imam Al-Ghazali dan Metodologi Kajiannya*. Penterjemahan oleh Osman Hj. Khalid. Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali (1988). *Ihya' Ulumuddin*. Jilid 1&2. Edisi Ke 3. Terjemahan Ismail Yakub. Singapura. Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Ghazali (2009). *Ringkasan Ihya' Ulumuddin* : Terjemahan oleh Zaid Husein Al-Hamid. Selangor : Darul Nu'man Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali (1974). *Mishkat Al-Anwar*. Terjemahan Abdul Majid Khatib. Kelantan Pustaka Aman Press.
- Aminudin Mansor Ph.D (2009). *Konsep 'Akal Budi' dalam Sastera Melayu*. Jurnal ASWARA (Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan). Bab 2.
- Arfah Salleh & Aziuddin Ahmad (2009). *Human Governance : A Paradigm Shift in Governing Corporations*. Kuala Lumpur : MPH Publishing.
- Azlina Abu Bakar@Mohd. (2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence : Why It Can Matter More Than IQ*. New York : Bantam Book.
- Goleman, D (1996). *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (1999). *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Ishak Mad Shah (2004). *Pengenalan Psikologi Industri & Organisasi Jilid II*. Johor : Penerbit UTM.
- James, W. (1980). *Principles of Psychology*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Kamus Dewan* (2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: DBP.

- Mahmood Nazar Mohamed dan Sabitha Marican. (1995). *Hubungan Manusia Dalam Organisasi*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mayer, J. D., & Salovey, P. (1989/1990). *Emotional Intelligence*. *Imagination, Cognition & Personality* 9, 185-211.
- Mayer, J. D., & Salovey, P. (1993). *What is Emotional Intelligence?* In P. Salovey, & D. Sluyter (Eds.).
- Mohd. Azhar Abd. Hamid, Editor (2009). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Muhammad Utsman Najati Ph.D (2005). *Psikologi dalam Al-Qur'an (Terapi Qur'ani dalam Penyembuhan Gangguan Kejiwaan)*. Terjemahan oleh Drs. M.Zaka Alfarisi. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Noor Shakirah Mat Akhir (2008). *Al-Ghazali and His Theory of the Soul : A Comparative Study*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (2000). Oxford: Oxford University Press.
- Pahrul Mohd Juoi (2010). *Bagaimana Membentuk Akhlak*. Majalah Solusi Isu No.28. Kuala Lumpur : Telaga Biru.
- Sa'id Hawwa (2008). *Kajian Lengkap Penyucian Jiwa : Tazkiyatun Nafs*. Intisari Ihya'Ulumuddin. Jakarta: Pena Pundi Aksara.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub (2002). *Teori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur & Barat*. Pahang : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- The Oxford American Dictionary of Current English* (1999). Oxford: Oxford University Press.
- Thorndike, E.L. (1920). *A Constant Error In Physical Ratings*. *Journal of Applied Psychology*, 4, 25-29.
- Zaini Said dan Syed Muhammad S.A. (2010). *Pemikiran al-Ghazali (450H-505H) dalam Bidang Psikologi Islam*. Universiti Sains Malaysia. Pembentangan Kertas Kerja di Konvensyen Kaunseling Kebangsaan 2010. Terengganu : Universiti Malaysia Terengganu.